

21 JUN 2001

Umno-Abdullah

AMANAT PM PERINGATAN KEPADA MELAYU, BUKAN UNTUK MENAKUT-NAKUTKAN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyifatkan peringatan Presiden Umno mengenai Melayu mudah lupa terhadap kesusahan dan kenikmatan yang dikecapi mereka, bukan suatu usaha parti untuk menakut-nakutkan bangsa itu.

"Ia bukan untuk menakut-nakutkan Melayu tetapi suatu peringatan kerana sejarah menunjukkan Melayu memang mudah lupa terhadap kemajuan dan kesusahan yang pernah mereka lalui sehinggakan mereka lalai," katanya.

Peringatan Dr Mahathir itu bukan sahaja relevan untuk orang Melayu tetapi merangkumi seluruh rakyat Malaysia, katanya kepada pemberita ketika mengulas ucapan dasar Dr Mahathir pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata sejarah telah menunjukkan orang Melayu boleh mencapai kejayaan seperti memerdekakan negara dan menentang komunis disebabkan mereka bermuafakat sesama sendiri dan dengan kaum lain.

Oleh itu rakyat negara ini tidak harus lupa mengenai pahit maung yang dilalui dahulu serta mengambil mudah terhadap kesenangan yang dinikmati sekarang agar kesilapan dahulu tidak diulangi.

Ditanya bagaimana Umno mahu mengubah sikap mudah lupa itu di kalangan orang Melayu, Abdullah berkata mereka perlu selalu diperingati dan belajar daripada sejarah.

Abdullah berkata sejarah juga menunjukkan orang Melayu mampu menghadapi cabaran pada masa lepas dan tidak ada sebab mereka tidak boleh menghadapi cabaran pada masa depan jika mereka bermuafakat.

-- BERNAMA

JM ZS LAT